

# Kreativiti kitar semula air terpakai raih anugerah

BH 13.7.2017 6

➔ Projek ekocampus UMS kurangkan pembaziran sumber

Oleh Mohd Nazllie Zainul  
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

**K**reativiti mengitar semula air terpakai kepada air suling bagi kegunaan harian, membolehkan sekumpulan kakitangan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan meraih Anugerah Kreativiti Ecocampus pada Anugerah Kecemerlangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2016.

Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan UMS, Prof Dr Sharifudin Md Shaarani, berkata projek mengitar semula air ter-

pakai kepada air suling bagi kegunaan harian itu, susulan idea mengurangkan pembaziran air, khususnya di UMS.

"Secara keseluruhannya, air adalah sumber paling berguna setiap hari. Apabila kita menggunakan semula air ini, ia tidak terbuang begitu sahaja.

"Impak paling ketara pastinya penjimatan dari segi kewangan dan melihat kembali kepada istilah ekocampus itu sendiri pula, kita menggunakan sumber sedia ada untuk menghijaukan lagi kampus.

"Banyak lagi projek ekocampus akan dilaksanakan. Kami menganggap anugerah ini pe-



Sharifudin (kanan) bersama Pembantu Makmal Kanan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Marni Jasli menunjukkan hadiah Anugerah Kreativiti Ecocampus diraih UMS.

mangkin semangat bagi melaksanakan projek seterusnya," katanya.

## 200 kakitangan terima anugerah

Pada majlis yang disempurnakan Naib Canselor UMS, Prof Dr D Kamarudin D Mudin itu, lebih 200 kakitangan UMS menerima anugerah kecemerlangan bagi perkhidmatan terbaik sepanjang tahun lalu.

Antara disampaikan ialah Anugerah Jasamu Dikenang, Anugerah Jasa Setia dan Anugerah Jasa Bakti, selain tiga anugerah khas dan sembilan Anugerah Inovasi UMS 2016.

Sementara itu, Dr D Kamaru-



Banyak lagi projek ekocampus akan dilaksanakan. Kami menganggap anugerah ini pemangkin semangat bagi melaksanakan projek seterusnya"

Sharifudin Md Shaarani,  
Dekan Fakulti Sains Makanan  
dan Pemakanan UMS

din dalam ucapannya, meminta warga kerja UMS terus komited memastikan pusat pengajian itu kekal relevan sebagai antara universiti terbaik negara.

"Bagi mencapai matlamat ini, kita seharusnya memiliki sikap yang dinamik, lestari dan berintegriti, selain berdisiplin setiap kali melaksanakan tugasan diberikan.

"Kejayaan universiti ini juga didorong oleh kecemerlangan warganya sendiri dan bagi mengekalkan momentum ini, kita mesti sentiasa melihat diri masing-masing agar mampu menilai tahap kecemerlangan serta pencapaian sendiri," katanya.